

ANM(T)81/10/6/10/Jld.3/(22)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Polis Negara Bahagian Kewangan

Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)

Semua Ketua Perwakilan Luar Negeri

Semua Ketua Akauntan/Akauntan Kanan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Cawangan Jabatan Akauntan Negara

Semua Pusat Gaji



Tan Sri/Dato'/Tuan/Puan,

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2000**

**PERATURAN PEMBAYARAN PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP
PERUMAHAN, PELARASAN GAJI 10% DAN ELAUN-ELAUN
BERKAITAN**

1. TUJUAN

1.1. Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan pembayaran:-

1.1.1 Pindaan Kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP).

1.1.2 Pelarasan Gaji 10% kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Baru (SSB).

1.1.3 Pemberian Peningkatan Gaji 10% kepada Anggota Perkhidmatan Awam Di Bawah Jawatankuasa Kabinet (JKK).

1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan :-

1.2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2000.

1.2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2000.

1.2.3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2000.

2. KADAR PELARASAN

2.1. Kadar pelarasan ITP, gaji 10% dan lain-lain elaun adalah seperti di pekeling-pekeling berkenaan di para 1.2 di atas.

3. DASAR DALAM PEMBAYARAN

3.1 Pembayaran Secara Sistem Gaji Berkomputer (SG)

3.1.1 Pindaan Kadar Imbuan Tetap Perumahan

Kadar baru ITP akan dibayar mulai gaji bulan **Jun** 2000 termasuk tunggakan bagi bulan Januari 2000 hingga Mei 2000.

3.1.2 Pelarasan Gaji 10%

3.1.2.1 Bagi anggota perkhidmatan awam persekutuan yang gaji dibayar melalui SG, pembayaran pelarasan gaji 10% akan dibayar mulai gaji bulan **Jun** 2000 termasuk tunggakan bagi bulan Januari 2000 hingga Mei 2000.

3.1.2.2 Bagaimanapun pelarasan gaji 10% melalui SG hanya mengambilkira pengiraan 10% di bawah SSB sahaja. Oleh itu anggota yang gaji dibawah JKK, Kementerian/Jabatan/Agensi perlu membuat pelarasan semula.

3.1.3 Elaun Bayaran Insentif Wilayah (BIW)

Pelarasan elaun tersebut akan dibayar mulai gaji bulan **Julai** 2000 termasuk tunggakan bagi bulan Januari 2000 hingga Jun 2000.

3.1.4 Elaun Pemangkuan dan Elaun Penanggungungan Kerja

Bagi anggota perkhidmatan yang terlibat pelarasan elaun pemangkuan dan elaun penanggungungan kerja akan dibayar mulai gaji bulan **Julai** 2000 termasuk tunggakan bagi bulan Januari 2000 hingga Jun 2000.

3.2 Pembayaran Secara Baucar Berasingan

Bagi anggota perkhidmatan awam persekutuan yang gaji dibayar secara baucar berasingan, Kementerian/Jabatan/Agensi, boleh membayar pelarasan gaji 10% termasuk tunggakan mulai pada bulan **Jun** 2000.

4. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN

4.1. Dalam membuat pembayaran pelarasan di atas peraturan seperti berikut perlu dipatuhi.

4.1.1 Pembayaran Secara Sistem Gaji Berkomputer

Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) tidak perlu disediakan untuk pembayaran pelarasan ITP, gaji, Bayaran Insentif Wilayah, Elaun Pemangkuan dan Elaun Penanggungungan Kerja. Pejabat Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Semakan

(R 630) bagi pelarasan ITP dan gaji **berasaskan** data gaji bulan Mei 2000.

Laporan Senarai Semakan (R 640) pula adalah mengenai pelarasan BIW, Elaun Pemangkuan dan Elaun Penanggungungan Kerja **berasaskan** data gaji bulan Jun 2000.

Kedua-dua laporan tersebut R 630 dan R 640 adalah sebagai menggantikan Borang Perubahan Gaji yang mengandungi maklumat gaji dan elaun-elaun yang telah diselaraskan termasuk tunggakan untuk **disemak** dan **disahkan** oleh Pusat Gaji. Walau bagaimanapun penyediaan Penyata Perubahan (Kew. 8) perlu dipatuhi.

- 4.1.1.1 Penyata Perubahan (Kew. 8) perlu disediakan untuk pembayaran gaji dan elaun tersebut.
- 4.1.1.2 Catatan di Buku Perkhidmatan perlu dibuat berasaskan Kew. 8 yang disediakan.
- 4.1.1.3 Kew. 8 yang disediakan tidak perlu dihantar ke Pejabat Perakaunan.

4.1.2 Pembayaran Secara Baucar Berasingan

Semasa mengemukakan baucar berasingan untuk pembayaran gaji dan elaun-elaun tersebut dokumen berikut diperlukan sebagai **dokumen sokongan**:

- 4.1.2.1 Kew. 8 **dan**
- 4.1.2.2 Salinan Penyata Gaji **atau**
Salinan Lembaran Gaji Manual **atau**
Salinan Fail Induk Gaji (Master Listing) **dan**
- 4.1.2.3 Catatan Pengiraan Pelarasan

4.1.3 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan tidak dipotong dari amaun pelarasan ITP, gaji dan elaun-elaun tersebut. Amaun pelarasan berkenaan hendaklah diambilkira dalam Penyata Pendapatan Tahunan.

4.1.4 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Semua pelarasan ITP, gaji dan elaun-elaun tersebut adalah dikenakan caruman KWSP.

4.1.5 Kod Urusniaga

4.1.5.1 Kod-kod urusniaga yang perlu digunakan adalah seperti di Lampiran 1.

4.1.5.2 Lain-lain kod elaun dan SODO jika ada yang terlibat boleh dirujuk dengan Pejabat Perakaunan.

4.2 Semua pembayaran pelarasan ITP, gaji dan elaun-elaun termasuk tunggakan adalah menjadi tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi di mana pegawai ditempatkan.

4.3 Sebarang masalah pembayaran pelarasan ITP, gaji dan elaun-elaun berkaitan boleh dirujuk dengan Pejabat Perakaunan.

5. PERUNTUKAN UNTUK PEMBAYARAN


5.1 Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan hendaklah membayar pelarasan ITP, gaji dan elaun-elaun tersebut daripada peruntukan Belanja Mengurus 2000 sedia ada. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Perbendaharaan.

6. PENUTUP

Jabatan Akauntan Negara Malaysia yakin bahawa dengan kerjasama sepenuhnya dari setiap anggota perkhidmatan awam, pembayaran pelarasan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian , terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(DATUK MOHAMED ADNAN BIN ALI)
Akauntan Negara Malaysia.

24 Mei 2000

s.k.

1. Ketua Audit Negara.
2. Semua Pegawai Kewangan Negeri.
3. Semua Akauntan/Bendahari Negeri.
4. Semua Pengurus Badan-badan Berkanun Persekutuan/Negeri.
5. Semua Pengurus Pihak Berkuasa Tempatan.
6. Ketua Pengarah, Lembaga Hasil Dalam Negeri.
7. Pengurus Besar KWSP.

Lampiran 1

Kod SODO	Kod Sistem Gaji	Perihal
11101	0001	Gaji Kakitangan Awam
11101	0002	Elaun Memangku Kakitangan Awam
11101	0003	Elaun Tanggung Kerja Kakitangan Awam
11101	0021	Gaji Biasa Kumpulan Pekerja Buruh Kasar (IMG)
11201	0107	Gaji Biasa Pasukan Keselamatan
11201	0108	Elaun Memangku Pasukan Keselamatan
11201	0109	Elaun Tanggung Kerja Pasukan Keselamatan
12102	0244	Imbuan Tetap Perumahan -Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 3/Kumpulan (Tingkatan Biasa/Kanan) di bawah JKK
12102	0563	Imbuan Tetap Perumahan -Kumpulan Sokongan./Kumpulan B, C dan D di bawah JKK
12199	0285	Elaun Bayaran Insentif Wilayah Kakitangan Awam
29301	0040	Upah Pekerja Sementara/Sambilan
29302	0240	Bantuan Sewa Rumah Anggota Sementara/Sambilan
29302	0321	Elaun/Bayaran Insentif Wilayah Pekerja Sementara/Sambilan